

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PDP 477 - Kaedah Mengajar Sejarah

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), peringkat Menengah Rendah, pendidikan sejarah diandaikan dapat memainkan peranan penting di dalam proses kewarganegaraan. Dengan memberi contoh-contoh yang spesifik, bincangkan sejauh mana anda bersetuju dengan andaian tersebut.
(25 markah)

2. Nyatakan pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambilkira apabila merancang kurikulum sejarah. Bincangkan sama ada perancangan kurikulum sejarah di Malaysia mengambil kira pertimbangan-pertimbangan yang anda nyatakan.
(25 markah)

3. Apakah dia kaedah inkuiri? Bincangkan pelaksanaannya dalam konteks pengajaran-pembelajaran sejarah.
(25 markah)

4. Kefahaman tentang perkembangan kognitif kanak-kanak terutama di dalam aspek penguasaan konsep-konsep seperti bahasa dan masa adalah penting bagi guru sejarah. Bincangkan.
(25 markah)

...2/-

5. Pilih DUA daripada alat-alat bantu mengajar berikut dan bincangkan bagaimana ia boleh digunakan dengan cara yang paling berkesan di dalam pengajaran-pembelajaran sejarah.
- a) Peta sejarah.
 - b) Carta masa.
 - c) Sumber asli.
 - d) Buku teks.
- (25 markah)
6. Jerome Bruner (1960) telah mengandaikan bahawa struktur ilmu sejarah adalah berpadanan dengan struktur ilmu sains sosial. Bincangkan andaian tersebut dalam konteks pemikiran sejarah serta implikasinya terhadap proses pengajaran-pembelajaran sejarah.
- (25 markah)
7. Pada pendapat anda, apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru sejarah masakini. Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.
- (25 markah)

- oooOooo -